

Olahragawati Kelahiran Sarawak, Genggam Ijazah di UPM

Oleh: Helena Peary Juman



SERDANG, 3 Disember- Olahragawati, Mandy Goh Li secara rasminya bergelar graduan apabila berjaya menamatkan pengajiannya pada Majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) yang ke-48 hari ini.

Anak jati Sarawak ini merupakan atlet mewakili negara di peringkat antarabangsa, World University Games Chengdu 2021 , Asean University Games 2024 , Sea Games 2023, dan SUKIPT 2024

Graduan Bacelor Pendidikan (Pendidikan Jasmani) dengan Kepujian, Fakulti Pengajian Pendidikan, Mandy Goh Li, 24, ketika di temubual tidak melepaskan

peluang berkongsi momen perjalanannya sepanjang bergelar mahasiswa dalam masa yang sama perlu cemerlang dalam dunia sukan.

“Perjalanan sebagai pelajar dalam masa sama sebagai atlet adalah tidak mudah, banyak perkara perlu dipertimbangkan,

“Waktu mencabar adalah untuk menyusun aktiviti harian, antara pagi hingga petang, kemudian petang hingga malam,

“Saya perlu mempersiapkan mental dan fizikal agar kuat, ada ketika selepas balik mengajar dari sekolah, saya terpaksa bergegas ke pusat latihan untuk menjalani latihan olahraga,



Namun itu bukan penghalang buat beliau. banyak manfaat yang diperolehi daripada pengalaman tersebut, katanya

"Hasil daripada pengorbanan tersebut saya meraih banyak pengalaman serta kejayaan baharu yang membanggakan,

Beliau merupakan pemenang pingat perak 400m berpagar, dan pingat emas dalam larian 400m x 4 bagi kategori wanita dalam sukan Asean University Games Indonesia 2024,

"Saya merasakan tiada yang sia-sia dalam perjalanan serta perjuangan yang saya lakukan, semuanya membuahkan hasil yang membanggakan terutamanya keluarga saya, katanya

Dalam pada itu, beliau turut menekankan kejayaan tidak bergolek dengan sendirian, kitalah yang menjadi pemangkin kepada pergerakan tersebut, maka teruskan berjuang.